

(9 Jun 2021) Berita Harian - p.5

Ramai warga asing enggan disaring

Kuala Lumpur: Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa meluahkan kebimbangan berhubung pembabitan warga asing dalam program mengekangjangkitan COVID-19 yang dilaksanakan kerajaan termasuk saringan komuniti dan pemberian vaksin.

Beliau berkata, ketika ini masih ramai warga asing khususnya mereka yang berstatus tanpa dokumen sah takut untuk keluar bersama-sama masyarakat bagi mengikuti program sedemikian.

Katanya, sasaran 80 peratus imuniti kelompok di Wilayah Persekutuan tahun ini berkeungkinan sukar untuk dicapai.

"Masih ada warga asing takut untuk menjalankan ujian saringan yang dilakukan. Jika ini pun takut apatah lagi sekiranya vaksinasi mahu diberikan ke-

pada mereka.

"Di Kuala Lumpur sahaja, ramai pekerja asing sama ada yang mempunyai dokumen atau yang haram takut untuk keluar (menjalani pemeriksaan), mungkin kerana takut ditahan.

"Kita mahu Wilayah Persekutuan mencapai imuniti kelompok secepat mungkin kerana ia tidak boleh dilakukan dengan dihitungkan warga negara sahaja, tetapi mengikut populasi penduduk," katanya selepas melawat program Vaksin Bergerak Trak MyMedic@Wilayah Prihatin, semalam.

Di laman Twitter semalam, Annuar menzahirkan kebimbangan selepas ujian saringan COVID-19 yang diadakan di Kampung Sungai Pencala, di sini melaporkan kes positif dalam tempoh singkat.

"Selepas beberapa jam saringan berjalan, sudah terdapat beberapa kes positif. Pejabat Ke-

sihatan Daerah (PKD) akan menilai situasi dan Pusat Penyelidikan dan Pengurusan COVID-19 Wilayah Persekutuan (CCMC WP) memantau tindakan perlu seterusnya. Kita di WP perlu proaktif. #WilayahPrihatin," katanya di Twitter, semalam.

Dalam perkembangan sama, Annuar berkata, program vaksinasi membabitkan penduduk Wilayah Persekutuan boleh meningkat kepada kapasiti 40,000 orang sehari jika pihaknya mendapat kelulusan memperoleh bekalan vaksin daripada kerajaan.

"Ketika ini ramai majikan syarikat sudah membuat permohonan untuk bersama dengan program ini, tetapi kita tidak dapat memberi jawapan muktamad kepada mereka kerana masih perlu berurusan dengan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF)," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud, berkata operasi pemeriksaan dokumen terhadap Pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini mempunyai dua objektif utama, iaitu menahan mereka yang tidak mempunyai dokumen serta tiada majikan atau penaja dan yang kedua pula bagi membantu mengurangkan penularan wabak COVID-19 (kes sporadik) dalam komuniti.

"Ini kerana tempat tinggal warga asing ini sangat daif, sesak, tanpa sistem kumbahan dan perparitan yang teratur.

"Mereka juga gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan kerap berkumpul beramai-ramai," katanya, semalam.

Khairul Dzaimie berkata, warga asing yang tidak mempunyai dokumen serta pas sah akan ditahan.